

Shamsul Ketua Pemuda Parti Keadilan Rakyat

UM-27/5/2007

SEREMBAN 26 Mei - Shamsul Iskandar Mohd. Akin memenangi jawatan Ketua Pemuda Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi sesi 2007-2010.

Pemangku Pemuda PKR itu memperolehi 243 undi menewaskan Hasmi Hashim yang hanya mendapat 51 undi.

Fariz Musa yang memperolehi 200 undi memenangi jawatan Timbalan Ketua Pe-

muda mengatasi Zamakhsari Ibrahim yang mendapat 117 undi.

Tiga jawatan Naib Ketua dimenangi oleh Khairul Anuar Ahmad Zainuddin (218), Amirudin Shari (180) dan Tan Seng Toh (154).

Seramai 20 orang lagi daripada 32 orang yang bertanding terpilih menganggotai barisan Exco Pemuda PKR.

Bagi jawatan Ketua Wanita, Zuraida Ka-

maruddin menang tanpa bertanding setelah setelah Fuziah Salleh melepaskan jawatan itu untuk bertanding jawatan Naib Presiden PKR.

Rodziah Ismail memenangi jawatan Timbalan Ketua Wanita dengan mendapat 207 undi menewaskan Elizabeth Wong yang hanya memperolehi 62 undi.

Tiga jawatan Naib Ketua Wanita dimenangi oleh Dr. Zaliha Mustaffa (216), Haniza Talha

(206) dan Noorsham Abu Samah (166).

Seramai 20 orang turut dipilih menganggotai jawatan Exco Wanita daripada 36 orang yang bertanding.

Keputusan pemilihan bagi kedua-dua sayap itu sepatutnya diumumkan pukul 10 malam semalam tetapi ditangguhkan kerana lewat.

-- Bernama